



CAP mendakwa Jalan Masjid Negeri sering mengalami banjir kilat akibat aktiviti pemotongan pokok dan pembinaan jalan.



Mohd Imran Hussein (kiri) bersama rakannya Mohd Mahmud Ibrahim, 31 (kanan) membersihkan kawasan rumah mereka yang dipenuhi lumpur selepas banjir kilat di sekitar Jalan P Ramlee.

Henti projek di kawasan kerap banjir

➔ Langkah atasi banjir kilat terus mengancam penduduk: CAP

Oleh Muhammad Yusri Muzamir dan Norhaslinda Abd Wahid
bhnews@bh.com.my

Georgetown

Kerajaan DAP Pulau Pinang didesak menghentikan serta-merta semua projek pembangunan di kawasan yang kerap dilanda banjir kilat, sebagai

langkah mengelak bencana itu daripada terus menjadi ancaman kepada penduduk terutama ketika musim hujan pada masa ini.

Presiden Persatuan Pengguna Pulau Pinang (CAP), SM Mohamed Idris, berkata kerajaan negeri perlu bertindak mengisytiharkan arahan itu kepada pemaju untuk menghentikan projek dijalankan sehingga tempoh dirasakan sesuai.

Aktiviti berskala besar

Katanya, antara faktor menyebabkan banjir kilat kerap berlaku ketika ini adalah disebabkan aktiviti pembangunan berskala besar yang giat dijalankan di beberapa kawasan di negeri ini.

"Contoh terdekat misalnya di Ja-

lan Masjid Negeri di sini, yang sering mengalami banjir kilat akibat aktiviti pemotongan pokok dan pembinaan jalan.

"Aktiviti pembangunan yang diteruskan pada musim hujan menyebabkan banjir kilat di beberapa kawasan di negeri ini dan air banjir yang melimpah itu berwarna kuning. Ini berkemungkinan berlaku runtuh tanah di satu kawasan akibat aktiviti pembangunan dan kerajaan negeri perlu menyiasat perkara ini.

"Justeru, kita berharap kerajaan negeri dapat menghentikan segala aktiviti pembangunan termasuk pembinaan projek perumahan dalam tempoh jangka pendek bagi menjaga keselamatan dan kebajikan penduduk yang terjejas akibat banjir kilat," katanya ketika



Aktiviti pembangunan yang diteruskan pada musim hujan menyebabkan banjir kilat di beberapa kawasan di negeri ini dan air banjir yang melimpah itu berwarna kuning"

SM Mohamed Idris,
Presiden Persatuan
Pengguna Pulau Pinang

dihubungi BH di sini, semalam.

Dalam pada itu, SM Mohamed berkata, kerajaan negeri juga perlu melebar dan mendalamkan parit kecil yang mana jika berlaku hujan lebat, parit terbabit dapat menampung kuantiti air hujan yang memenuhinya.

"Apabila berlaku hujan lebat berterusan, air di parit kecil akan melimpah dan ini menyebabkan berlaku banjir.

"Sekiranya tiada aktiviti melebar dan mendalamkan parit kecil, pastinya banjir akan terus berlaku akibat limpahan air hujan di kawasan sekitar," katanya.

Beliau berkata, pemaju yang menjalankan projek pembangunan juga seharusnya prihatin terhadap penduduk di kawasan yang terjejas dengan banjir," katanya.